



MERENTAS DESA BERPASUKAN



PERATURAN DAN SYARAT PERMAINAN MERENTAS DESA TERBUKA & VETERAN (L & W)

1.0. NAMA

1.1. Pertandingan ini dinamakan

“KEJOHANAN MERENTAS DESA BERPASUKAN SUKAN MARA SEMALAYSIA 2026”.

2.0. TEMPAT DAN TARIKH PERTANDINGAN

Tarikh : 31 Ogos 2026
Tempat : **MRSM Besei, Perlis**

3.0. PENGANJURAN

- 3.1. Jawatankuasa Penganjuran akan menganjurkan pertandingan ini. Sebarang keputusan yang dibuat terhadap segala perkara yang berhubungkait dengan kejohanan ini adalah muktamad.
- 3.2. Jawatankuasa berhak meminda atau membuat apa-apa penyesuaian permainan menurut cara yang difikirkan sesuai.
- 3.3. Jawatankuasa berhak menolak mana-mana pasukan atau peserta yang tidak mematuhi peraturan dan syarat kejohanan.

4.0. UNDANG-UNDANG PERMAINAN

- 4.1. Perlumbaan akan dilepaskan secara berperingkat mengikut kategori.
- 4.2. Pertandingan akan dijalankan secara berpasukan dan pemenang akan ditentukan dari gabungan masa terpendek dari tiga (3) orang pelari dari pasukan yang sama.
- 4.3. Semua peserta wajib dalam kategori yang ditetapkan dan mestilah menamatkan lariannya.
- 4.4. Jarak-jarak perlumbaan mengikut kategori berikut:
 - 4.4.1. Terbuka Lelaki - 10 KM
 - 4.4.2. Terbuka Wanita - 5 KM
 - 4.4.3. Veteran Lelaki - 5 KM
 - 4.4.4. Veteran Wanita - 5 KM

5.0. LALUAN LARIAN

5.1. Akan diputuskan kemudian.

6.0. TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN

6.1. Taklimat kepada pengurus-pengurus pasukan akan diadakan pada **29 OGOS 2026 jam 8.30 malam di MRSM Arau, Perlis.**

6.2. Pengurus Pasukan dikehendaki mengemukakan senarai akhir pemain yang telah didaftarkan berserta dengan dokumen-dokumen yang disahkan dan mestilah ditandatangani oleh Ketua Kontijen atau Pengurus Pasukan setiap negeri. Senarai nama pemain yang didaftar dan diserahkan semasa Taklimat pengurus Pasukan adalah muktamad.

7.0. PENYERTAAN DAN PENDAFTARAN PEMAIN

7.1. Setiap pasukan dibenarkan mendaftarkan satu (1) orang pengurus, minima tiga (3) pelari dan maksima empat (4) orang pelari bagi setiap kategori yang dipertandingkan.

7.2. Kategori yang dipertandingkan adalah seperti berikut:

7.2.1. Berpasukan Terbuka Lelaki

7.2.2. Berpasukan Veteran Lelaki

7.2.3. Berpasukan Terbuka Wanita

7.2.4. Berpasukan Veteran Wanita

8.0. TINDAKAN TATATERTIB

8.1. Hukuman berikut adalah merupakan hukuman yang dikenakan secara automatik:

8.1.1. Seseorang pelari yang disingkirkan atau dibatalkan penyertaannya atas sebab-sebab berkelakuan buruk dan biadap, pelari tersebut akan digantung daripada menyertai acara ini.

9.0. HAL-HAL YANG TIDAK DIPERUNTUKAN

Segala hal yang tidak diperuntukkan di bawah peraturan ini dan segala tafsiran peraturan ini hendaklah diselenggarakan oleh Jawatankuasa Penganjur **KEJOHANAN SUKAN MARA SEMALAYSIA KE-11, PERLIS 2026** dan segala keputusan adalah muktamad.



BORANG PENDAFTARAN PEMAIN MERENTAS DESA

KONTIGEN : _____

	NAMA	NO. GAJI	NO. H.P.
PENGURUS PASUKAN			

BIL	NAMA PEMAIN	NO. GAJI
1.		
2.		
3.		
4.		
5.		
6.		
7.		
8.		
9.	(V-L)	
10.	(V-L)	
11.	(V-L)	
12.	(V-L)	
13.	(V-P)	
14.	(V-P)	
15.	(V-P)	
16.	(V-P)	

Ketua Kontinjen

Pengurus Pasukan

.....
Nama :

.....
Nama :

.....
Tarikh